

KAWALAN IKLAN UBAT DAN PERKHIDMATAN DI BAWAH AKTA UBAT (IKLAN & PENJUALAN 1956)

Jangan Terpedaya Dengan Tipu daya Iklan Ubat, Produk Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan

Apakah iklan?

Iklan termasuklah sebarang notis , laporan, risalah , label , ulasan, pembalut atau dokumen lain dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan sebarang cara bagi memwujudkan atau memancarkan cahaya atau bunyi. (Seksyen 2 Akta Ubat Iklan dan Penjualan).

Contoh iklan:

Iklan di television, radio, majalah , akhbar, risalah , internet, bunting, slot program tv, talk show, iklan di kenderaan awam, testimoni atau advertorial

Mengapa iklan ubat, produk kesihatan dan perkhidmatan perubatan dikawal?

Iklan mengenai ubat , produk kesihatan dan perkhidmatan dikawal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana terdapat banyak iklan-iklan yang mengelirukan pengguna. Terdapat penjual ubat atau produk kesihatan yang menggunakan tuntutan (claim) perubatan yang berlebih-lebihan serta menggunakan indikasi yang tidak diluluskan bagi tujuan menarik minat pembeli untuk mendapatkan produk mereka. Terdapat juga kes di mana produk yang diiklan tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di mana kualiti, keberkesanan dan keselamatannya diragui. Hal-hal ini tentunya akan membahayakan keselamatan pengguna.

Bagaimana iklan ubat, produk kesihatan dan perkhidmatan perubatan dikawal?

Semua iklan berkenaan ubat, produk kesihatan dan perkhidmatan perlu mendapat kelulusan dari Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Iklan yang telah diluluskan akan diberikan nombor pendaftaran. Contoh: KKKLIU/2012/ABC

Apakah iklan-iklan yang dilarang?

Adalah menjadi satu kesalahan mengiklankan tentang:

1. 20 penyakit iaitu:

- penyakit/kerusakan buah pinggang
- Penyakit/kerusakan jantung
- kencing manis
- sawan
- Lumpuh
- Batuk kering
- Asma/lelah
- Kusta
- kanser
- Pekak
- Ketagihan dadah
- Hernia
- Penyakit mata
- Tekanan darah tinggi
- kemandulan
- Frigiditi
- lemah fungsi seks
- Penyakit Venerus
- Kelemahan urat saraf atau kelemahan lain timbul daripada atau berhubung dengan perhubungan seks

2. Amalan Pencegahan Kehamilan
3. Memperbaiki keadaan /fungsi buah pinggang
4. Memperbaiki fungsi/ keupayaan seksual manusia
5. Pengguguran Anak
6. Pengiklanan tanpa kelulusan Lembaga Iklan Ubat

Tanggungjawab Siapa??

Adalah menjadi tanggungjawab semua yang terlibat dalam pembuatan dan penyiaran iklan untuk memastikan iklan tersebut mendapat kelulusan dari Lembaga Iklan Ubat dan menggunakan format iklan yang sama seperti format yang telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat

Sesiapa yang melakukan kesalahan boleh didenda sehingga maksimum RM 3000 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya sekali (Seksyen 5(1) Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956)

Bagaimana untuk dapatkan maklumat lanjut berkenaan iklan ubat, produk kesihatan dan perkhidmatan perubatan?

Layari : www.pharmacy.gov.my atau

Hubungi : Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

Tel: 03-78413200